



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(78)  
Tarikh: 07 MEI 2022

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

## MAKLUMAN KEMBALI KE SEKOLAH BAGI MURID PRASEKOLAH, TAHUN 1 HINGGA TAHUN 6

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk. Pihak sekolah amat mengalu-alukan kedatangan semua murid Prasekolah, murid Tahun 1 hingga Tahun 6 kembali ke sekolah untuk meneruskan PDPc secara bersemuka mulai 09 Mei 2022 (Isnin) selepas meraikan Perayaan Hari Raya Aidilfitri selama seminggu.

- Pihak sekolah memohon kerjasama daripada ibu bapa supaya menghantar anak tuan/puan ke sekolah sebelum jam 7.00 pagi dan sebelum jam 7.30 pagi (untuk murid Prasekolah).** Sehubungan itu, ibu bapa / penjaga perlu memastikan kesihatan anak dalam keadaan baik sebelum menghantar anak ke sekolah. Ibu bapa hendaklah menyediakan pelitup muka dan pensanitasi tangan untuk anak. Pihak sekolah masih kekalkan tindakan mengambil suhu badan murid di pintu utama sekolah bagi memastikan anak tuan / puan berada dalam keadaan sihat untuk belajar. Jika suhu badan anak mencecah 37.5 °C, ibu bapa hendaklah membawa pulang anak atau mendapat rawatan segera.
- Jadual Waktu Anjal iaitu "Jadual Waktu B" akan terus digunakan mulai 09 Mei 2022 (Isnin).** Ibu bapa diminta untuk membimbing anak-anak mengemas beg berdasarkan jadual waktu dengan membawa buku-buku yang diperlukan sahaja, elakkan membawa barangan yang tidak berkaitan demi memastikan keberatan beg murid-murid tidak membebankan mereka.
- Waktu penyuraian adalah seperti biasa.** Memohon pemahaman ibu bapa bahawa sekolah adalah terletak di dalam kawasan perumahan, masalah kesesakan lalulintas memang tidak dapat dielakkan. Diharapkan para ibu bapa / penjaga dapat memberikan kesabaran dan kerjasama dengan mematuhi peraturan sekolah dan lalu lintas dan juga arahan guru atau pengawal keselamatan, bertimbang rasa dan bertolak ansur demi kemufakatan antara satu sama lain untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Para ibu bapa/penjaga dinasihatkan mengambil anak dari sekolah berdasarkan jadual waktu penyuraian secara bergilir-gilir yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Berikut adalah jadual waktu penyuraian setiap tahun:

Tahun	Waktu Penyuraian
Tahun 1	11.50 pagi
Tahun 2	12.00 tengah hari
Tahun 3	12.10 tengah hari
Tahun 4	12.20 tengah hari
Tahun 5	12.30 tengah hari
Tahun 6	12.40 tengah hari

05. Sekiranya ibu bapa / penjaga tidak menghantar anak-anak bersekolah, surat makluman dengan sebab yang munasabah perlu disediakan dan hantar ke sekolah (Pondok Pengawal Keselamatan) atau hantar kepada Guru Kelas sebagai rekod. Kegagalan pengambilan tindakan tersebut daripada ibu bapa / penjaga, pihak sekolah akan mengambil tindakan merekodkan anak tuan / puan sebagai “**Tidak Hadir Tanpa Sebab**” atau “**Ponteng Kelas**” sebagai perekodan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) dengan mengambil kira peraturan yang ditetapkan secara berperingkat.

**06. Makluman tambahan, 15 Mei 2022 (Ahad) adalah Cuti Umum Hari Wesak, maka 16 Mei 2022 (Isnin) merupakan cuti ganti bagi Hari Wesak. Sekolah akan bercuti satu hari. Murid-murid akan bersekolah seperti biasa pada 17 Mei 2022 (Selasa).**

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Selamat Menyambut Hari Wesak!

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KITA JAGA KITA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MOK SUN FU**

Guru Besar

SK (C) Anglo Chinese,

Kota Kinabalu.